

Kerajaan serius siasat kes Perwaja

14 JUN 2002

KUCHING, Khamis – Kerajaan Malaysia mendapatkan persetujuan Switzerland bagi membantu siasatan penyelewengan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) membabitkan RM76.4 juta membuktikan kesungguhan kerajaan memerangi rasuah besar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata persetujuan Switzerland itu memudahkan Badan Pencegahan Rasuah (BPR) menjalankan siasatan berhubung simpanan wang haram di negara itu.

Beliau berkata, ia juga membantu menghapuskan kegiatan memindahkan wang dari negara ini ke Switzerland serta pelaburan menggunakan wang haram.

"Ini satu vista (peristiwa) baru kerjasama antarabangsa memerangi jenayah rasuah di semua peringkat, terutama yang membabitkan rasuah besar yang merentasi sem-

padan antarabangsa.

"Saya berharap selepas ini BPR lebih mudah menjalankan tugasnya dan menggunakan kemudahan penyiasatan seperti yang diumumkan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Pegawai Kanan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Rais diminta mengulas persetujuan kerajaan Switzerland berbuat demikian dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin lalu.

Katanya, negara patut mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana berjaya mendapatkan kerjasama Switzerland bagi membantu siasatan kes penyelewengan Perwaja yang mula difailkan sejak 1996 selepas laporan mengenainya diterima pada 1980.